

BAB
PERTAMA

BAB PERTAMA

PRINSIP-PRINSIP SYARIAH DALAM PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM

1.0 PENDAHULUAN

Perkhidmatan pembiayaan merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan dalam sistem perbankan tidak kira dalam sistem perbankan Islam atau sistem perbankan konvensional. Produk pembiayaan merupakan salah satu produk yang telah mendapat sambutan ramai oleh masyarakat. Di dalam sistem perbankan konvensional sebahagian besar produk pembiayaan yang diamalkan adalah bertentangan dengan syariah. Ini kerana ia melibatkan elemen-elemen *ribā* dan *gharar*. Walaupun demikian ini tidak bermaksud SPI tidak dapat menawarkan produk-produk sepertimana yang telah dianjurkan oleh perbankan konvensional akan tetapi produk-produk yang ditawarkan oleh SPI adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip yang dijelaskan dalam al-Qur'an dan al-Hadīth.

al-Qur'an dan al-Hadīth juga telah menggariskan beberapa panduan yang berkaitan dengan prinsip dan amalan yang sepatutnya dijalankan dalam sistem perbankan Islam. Ini bertujuan agar setiap amalan perbankan di dalam sistem perbankan Islam tidak menyimpang dari prinsip Islam yang sebenarnya. Namun tidak kesemua amalan perbankan dan institusi kewangan Islam dewasa ini termaktub dalam sumber utama Islam iaitu al-qur'an dan al-hadīth. Sebaliknya dihasilkan dengan kaedah *hiyal*.¹ Prinsip-prinsip tersebut termasuklah prinsip *al-*

¹ *Hiyal* Dari segi bahasa membawa maksud kebijaksanaan dalam melakukan sesuatu. *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* (1990), Wizārah al-Awqāf wa al-Sūn al Islāmiyyah, h. 28. Ianya dilihat secara teknikal sebagai tipu helah, strategi, tiruan, manfaat, menghindarkan atau memberi kesan kepada sesuatu. Sila rujuk. B.Lewis *et.al* (ed)(1971), *Encyclopedia of Islam*,

mushārakah, al-murābahah, al-wakālah, al-kafālah, al-mudārabah, al-qard al-hasan, al-ijārah dan prinsip-prinsip syariah yang lain.

Berasaskan kepada prinsip-prinsip syariah di atas, maka penubuhan bank Islam dapat menjamin dari wujudnya elemen-elemen yang diharamkan seperti *ribā*, jual beli *gharar*, penindasan dan lain-lain lagi. Perkhidmatan pembiayaan merupakan salah satu produk yang mendapat sambutan ramai tidak kira di sistem perbankan konvensional maupun di sistem perbankan Islam. Pembiayaan berasal daripada perkataan ‘biaya’ yang membawa maksud belanja atau bantuan kewangan. Manakala membiayai pula bererti membelanjai atau memerlukan modal untuk membiayai sesbuah perusahaan, manakala pembiayaan ialah perihal membiayakan (membiayai).² The Progressive English Dictionary, mentakrifkan ‘Finance’ atau ‘Financing’ sebagai ‘The management of public money, provide money for a scheme...’.³ Ia juga didefinisikan sebagai perbuatan menguruskan wang orang lain, menyediakan wang untuk sesuatu rancangan... demi membantu menjalankan sesuatu perniagaan atau membeli sesuatu barang.⁴

London: Luzac & Co, New Edition, h. 510. Imām Shājibi pula mendefinisikan sebagai mendahuluikan sesuatu perbuatan yang harus di sisi syara’ untuk membatalkan hukum yang asal. Lihat juga Ibarahim Mūsā al-Shātibī (1997), *al-Muwāfaqat fi Uṣūl al-Shari‘ah*, j. 4, c. 3, Bayrūt, Lubnān: Dār al Ma‘rifah, h. 558. Ianya juga merupakan satu medium yang diwujudkan bagi mencapai sesuatu yang pada asasnya bertentangan dengan syara’. Ianya diwujudkan untuk menggunakan kaedah yang dibenarkan oleh perundangan demi mencapai tujuan yang asalnya haram. Lihat juga. Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. h.68.

² Teuku Iskandar (1992), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 141.

³ Hornby A.S(1983), *The Progressive English Dictionary*, Kuala Lumpur: Longman, h. 97.

⁴ Osman Sabran(2001), Urus Niaga al-Qard al-Hasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba, c.1, Sekudai, Johor: terbitan UTM, h. 3.

Pembiayaan dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pembiayaan ekuiti⁵ dan pembiayaan hutang.⁶

Dalam sistem perbankan Islam model pembiayaan yang wujud berasaskan kepada prinsip saling bantu membantu antara satu dengan yang lain. Ini bersesuaian dengan firman Allah:

وتعاونوا على البر والتقوى ولا تعاونوا على الإثم والعذاب (ج)

'Dan hendaklah kamu saling tolong menolong kearah jalan kebaikan dan bertaqwa (takut) kepada Allah, dan janganlah kamu Bantu membantu dalam hal yang boleh membawa kepada dosa dan permusuhan'

Sūrah al-Mā''idah (6) : 2.

Di dalam bab ini penulis akan membincangkan tentang prinsip-prinsip syariah yang digunakan untuk pembiayaan Islam di dalam sistem perbankan Islam antaranya *al-mushārakah, al-murābahah, al-wakālah, al-kafālah, al-mudārabah, al-qard al-hasan, al-bay' bithaman ājil, al-ijārah dan bay' al-dayn*.

⁵ Pembiayaan ekuiti boleh diperolehi sama ada melalui pelaburan atau berkongsi dalam menguruskan sesebuah ekonomi.

⁶ Pembiayaan hutang pula merujuk kepada segala aktiviti pembelian atau pembiayaan modal secara kredit, hutang atau pinjaman. Ianya di sasarkan kepada individu, badan korporat dan badan kerajaan.

1.1 AL-MUSHĀRAKAH

1.1.1 Definisi *al-Mushārakah*

Pada bahasanya membawa maksud mencampurkan dua atau lebih harta supaya menjadi satu yang tidak dapat dibezakan.⁷ Percampuran ini dinamakan sebagai sebatian di dalam istilah sains. Dari segi istilah pula, *shirkah* membawa maksud suatu akad yang ditubuhkan oleh dua atau lebih pekongsi pada modal dan juga keuntungan yang bakal dicapai kelak.⁸ Pada asalnya *al-mushārakah* terbahagi kepada dua jenis mengikut pembahagian iaitu:⁹

1) Perkongsian pemilikan (bukan kontrak)¹⁰

2) Perkongsian akad (kontrak)¹¹

Akan tetapi di sini penulis lebih menekan tentang perkongsian akad kontrak di dalam penulisan ini. Fuqaha' telah membahagikan empat jenis akad perkongsian di dalam *al-mushārakah* iaitu:¹²

1) *Shirkah al-'inān*: Perkongsian yang melibatkan autoriti dan tanggungjawab yang terhad.

⁷ 'Abd al-Rahmān al-Jazīrī (1986), *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-'Arba'ah*, j. 3, c.7, Bayrūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah al-Islāmiyyah, h. 60. Lihat juga Ṣalhi Ṣalāḥ (Dr.) (2001), *al-Siyāsah al-Naqdiyyah wa al-Māliyyah fī Iṭār Nizām al-Mushārakah fī al-Iqtisād al-Islāmī*, c. 1, Mansūrah: Qāhirah, h. 28.

⁸ Wahbah al-Zuhaylī (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* , c. 4, j. 5, Bayrūt , Lubnān: Dār al-fikri h. 3876. Lihat juga Yūsuf Kamāl Muhammad (2001), *Kayfa Nafkir Istarātiyya Asās al-Iqtisād al-Islāmī*, j. 2, 'Ammān, Urdun: Dār al-Tauzī' wa Nashr al-Islamīyyah , h.h 162 & 163.

⁹ 'Ala' al-dīn Abu Bakr ibn Mas'ūd al-Kāsānī al-Ḥanafī (1998) , *Badā'i' al-Ṣanā' T' fi Tartīb al-Sharā'i'* , c. 1, j. 5, Bayrūt, Lubnān: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 73.

¹⁰ Merupakan pemilikan dua pihak atau lebih ke atas sesuatu tanpa menggunakan kontrak *shirkah*.

¹¹ Kontrak yang berlaku ke atas dua pihak atau lebih untuk membuat perkongsian modal atau harta bagi memulakan perniagaan.

¹² Wahbah al-Zuhaylī (1997), *op.cit.*, h. 3878.

- 2) *Shirkah al-mufāwadah*: Perkongsian dengan autoriti dan tanggungjawab penuh.
- 3) *Shirkah al-abdān*: Perkongsian yang menggabungkan tenaga buruh kemahiran dan pengurusan.
- 4) *Shirkah al-wujūh*: Perkongsian muhibbah yang melibatkan perhubungan persahabatan atau kenalan.

1.1.2 Perundangan *al-Mushārakah*

Shirkah telah diperundangkan syariatnya di dalam al-Qur'an, al-Hadīth dan juga al-ijmā'. al-Qur'an telah menegaskan secara amnya tentang perundangan *shirkah* sebagaimana firman Allah:

... فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الْأَنْوَارِ ...

'...Maka mereka hendaklah berkongsi padahal satu pertiga....'

Sūrah al-Nisā' (4) :12.

Di dalam al-Hadīth qudsi pula Rasullah telah bersabda yang telah diriwayatkan oleh Abū Hurairah:

ما رواه أبو هريرة رضي الله عنه عن النبي (صلى) قال :
يقول الله تعالى : أنا ثالث الشركين مالم يعن أحدهما صاحبه فإذا خانه خرجت
من بينهما .

Rasullah bersabda bahawa sesungguhnya Allah 'Azza Wajalla berfirman : 'Aku merupakan orang yang ketiga daripada dua orang yang berkongsi itu selama mana tidak terdapat pengkhianatan salah seorang daripada mereka (rakan kongsi), Sekiranya terdapat suatu

pengkhianatan diantara mereka, aku keluar daripada kedua kongsi tersebut’.¹³

Diriwayatkan oleh Abū Dawūd dan Hākam dengan sahīh isnādnya

Hadith di atas menunjukkan bahawa, selagi mana terdapat kepercayaan dan amanah di antara dua pihak yang berakad maka turunlah keberkatan kepada perkongsian tersebut. Akan tetapi sekiranya terdapat unsur khianat di dalam aqad tersebut maka akan terhapuslah segala keberkatan terhadap kedua-dua pekongsi itu.

Umat Islam telah bersepakat akan keharusan berMusharakah di dalam Islam. Dengan cara inilah manusia dapat berkerjasama untuk membangunkan ekonomi dan juga pelaburan harta umat Islam dalam sektor perkilangan, perniagaan, pertanian, perlombongan dan lain lain lagi.

1.1.3 Jenis-Jenis *al-Mushārakah*

Sepertimana yang telah nyatakan oleh penulis di atas, terdapat 4 jenis akad perkongsian di dalam Islam, iaitu *shirkah inān*, *shirkah mufāwadah*, *shirkah abdān* dan juga *shirkah wujūh*.

1.1.3.1 *Shirkah ‘Inān*

Merupakan perkongsian dua atau lebih pada modal atau ke atas harta untuk bermiaga. Keuntungan daripada perniagaan tersebut akan dibahagikan sesama

¹³ Sulayman ibn al-Ash'ab Abu Dawūd al-Sajastānī al-Azda (t.t), *Sunan Abi Dawūd*, Kitāb al-Bay' wa al-Ijārah, Bāb al-Shirkah, no. hadith 3383.

rakan kongsi.¹⁴ Pada asalnya *shirkah ‘inān* diasaskan kepada *al-wakālah* dan *al-amānah*, ini kerana kedua-dua sifat di atas dapat memelihara harta atau wang pemiliknya.¹⁵ Pembahagian untung dan rugi tertakluk kepada jumlah sumbangan modal yang dikeluarkan oleh setiap yang pemodal yang berkongsi.

1.1.3.2 *Shirkah Mufāwadah*

Dari segi bahasa membawa maksud ‘persamaan’. Terdapat banyak pentakrifan tentang *shirkah mufāwadah* antaranya ialah, suatu pakatan perkongsian yang mendatangkan faedah kepada pekongsi tersebut.¹⁶ Wahbah Zuhaylī pula menerangkan bahawa di namakan *shirkah mufāwadah* kerana pemodal mengeluarkan modal serta mendapat keuntungan pada nisbah yang sama. Beliau menambah lagi istilah *mufāwadah* sebagai berakad dua atau lebih pengusaha di dalam menjalankan pekerjaan. Pemodal adalah sama dari segenap aspek samada dalam pengeluaran modal dan anutan agama yang sama. Setiap pemodal menjadi penjamin kepada rakan kongsi di dalam *shirkah* tersebut.¹⁷

1.1.3.3 *Shirkah Abdān*

Merupakan perkongsian di antara dua atau lebih pengambil bahagian. Mereka mengumpulkan hasil kerja masing masing ke dalam satu tabung (syarikat). Pembahagian keuntungan dilakukan tanpa mengambil kira kadar

¹⁴ BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd. (1998), *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*, c. 1, Kuala Lumpur: BIRT, h. 85.

¹⁵ Faḍīlah Ḥasan Ayyūb (1998), *Fiqh al-Mu‘āmalah al-Ḥalīyah fī al-Islām (al-Buyū’ wa al-Ribā wa al-Qard wa al-Salam wa al-Rahn wa al-Shārikah wa al-Ijārah)*, j. 1, Qāhirah, Miṣr: Dār al-Tawzī’ wa al-Nashr al-Islāmiyyah, h. 245.

¹⁶ Ahmad al-Sharbāsī (1981), *al-Mu‘jam al-Iqtisādī al-Islāmī*, Qāhirah, Miṣr: Dār al-Jil, h. 432.

¹⁷ Wahbah al-Zuhaylī (1967), *al-Fiqh al-Islāmī fī Uslūbih al-Jadīd (‘Uqūd al-Bay’ wa al-Ijārah wa al-Shirkah al-Aimān wa al-Nuzūr wa al-Kafārah)*, (t.t.p) Dār al-Kitāb, h. 509.

saham yang telah dilaburkan ke dalam tabung tersebut.¹⁸ Imam al-Shāfi‘i menegah perkongsian ini, dengan alasan terdapat unsur penipuan dan tiada ketetapan dalam *shirkah* ini.¹⁹

1.1.3.4 *Shirkah Wujūh*

Ianya juga dikenali dengan nama *shirkah al-mafālis* kerana tiada modal yang diperlukan untuk memulakan syarikat ini. Perkongsian ini ditubuhkan tanpa mengeluarkan sebarang modal. Ahli kongsi membeli barang dengan harga yang tertangguh atau mengambil barang yang hendak diniagakan kemudian menjualkannya untuk mendapatkan keuntungan. Keuntungan daripada penjualan barang tadi dibahagikan sesama rakan kongsi. Imam al-Jazīrī menyatakan bahawa rakan kongsi yang terlibat dalam *shirkah wujūh* tidak mempunyai modal (wang)²⁰ tetapi mereka mempunyai kepercayaan di sisi pemutang. Pemutang menyerahkan barang beliau untuk diniagakan dengan harga yang tertangguh terlebih dahulu tanpa sebarang cengkeram.²¹

¹⁸ Imām Abi al-Walīd Muhammad ibn Ahmad Rushd al-Qurtubī (2000) , *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 3, Bayrūt , Lubnān: Dār al-Ma'rifah, h. 44.

¹⁹ Ahmad al-Sharbāsi (1981), *op.cit.*, h. 239.

²⁰ Yang dimaksudkan dengan wang ialah alat pembayaran, standard bagi ukuran nilai dan penyimpan kuasa beli.;Sila rujuk Jabatan Penyelidikan Ekonomi dan Perangkaan (1979), *Wang dan Urusan Bank di Malaysia*, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, c. 1, h. 340. Kebanyakan ahli ekonomi mentakrifkan wang mengikut empat fungsi klasiknya : (a) alat pertukaran, (b) pengukur nilai, (c) media nilai tertunda, (d) simpanan nilai.

²¹ ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī (1986), *op.cit.* h .68.

Di samping pembahagian umum di atas oleh Wahbah Zuhaylī, Kāmil Müsa juga telah menambahkan *shirkah al-mudārabah*²² sebagai *shirkah* yang telah dipraktikkan dewasa ini.

1.1.4 Rukun *al-Mushārakah*.²³

Rukun am bagi *al-mushārakah* ialah :

- 1) Rakan kongsi atau pemegang modal
- 2) *Sīghah* (*ijāb* dan *qabūl*)
- 3) Projek yang terdiri daripada harta dan pekerjaan

Rakan kongsi atau pemegang saham boleh menjalankan aktivitinya melalui penggabungan syarikat (konsortium) atau badan korporat. Penggabungan ini melibatkan modal saham, persamaan jenis modal dan kombinasi modal. Majoriti ahli ekonomi Islam mengatakan bahawa modal sebagai salah satu faktor pengeluaran.²⁴ *Sīghah* pula digunakan sebagai penanda keredaan di antara pemegang saham atau rakan kongsi. Harta atau wang yang digunakan mestilah sah dengan nilai semasa kebiasaannya disukat dengan nilai emas. Ada juga pandangan yang menyatakan bahawa untung merupakan salah satu daripada rukun.²⁵ Pembahagian keuntungan mengikut kadar yang telah di persetujui. Dalam sistem perbankan Islam, satu kaedah yang dinamakan perkongsian untung dan rugi “*profit lost sharing*” diperkenalkan. Keuntungan yang didapati akan

²² Makna *sharikah mudārabah*: perkongsian tidak melebihi dua orang. Salah seorang menyumbangkan modal (wang) dan salah seorang lagi mengeluarkan tenaga usaha beliau untuk menjalankan urusan tersebut Sila rujuk, Faḍīlah Hasan Ayyūb (1998), *op.cit.* h. 248.

²³ ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī (1986), *op.cit.* h.h 86 & 87.

²⁴ Mālik Ibn Nabi (1972), *al-Muslim fi ‘Ālim al-Iqtisād*, Bayrūt, Lubnān: Dār al-Shurūq, h. 81.

²⁵ Ibn Ahmad Rushdi al-Qurtubī (2000), *op.cit.*, h. 253. Lihat juga, BIRT (1998), *op.cit.*, h. 86.

dibahagikan mengikut modal saham yang telah dilaburkan semasa akad.²⁶ Sekiranya terdapat kerugian yang tidak dapat dielakkan maka kerugian yang akan ditanggung hendaklah mengikut nisbah saham pemodal.

1.1.5 Contoh *al-Mushārakah*

Pelanggan akan meninjau barang yang dikehendaki dan selepas berpuas hati dengan barang yang diinginnya, pelanggan akan memaklumkan kepada bank. Bank akan mengenakan beberapa syarat kepada pelanggan, adalah menjadi kewajipan ke atas pelanggan memasukkan sejumlah wang deposit perkongsian untuk pembelian barang yang dikehendakinya di bawah perjanjian *al-mushārakah*. Bank akan menerima deposit pelanggan di bawah konsep *al-wadī'ah yad damānah* dan bertindak sebagai pemegang amanah.

Setelah bank mengeluarkan surat kredit, pembayaran kepada pihak ketiga (penjual) dilakukan dengan menggunakan deposit pelanggan. Salinan dokumen pembayaran akan diserahkan kepada pelanggan. Bank dan pelanggan akan berkongsi keuntungan sebagai mana yang telah tertera di dalam perjanjian.²⁷

²⁶ Muhammad Shāfi'i Antonio (1999), *Bank Syariah Wacana Ulamak & Cendekian*, c. 1, Jakarta, Indonesia, Tazkia Institute, h. 194.

²⁷ Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 69.

1.2 *AL-MURĀBAHĀH*

1.2.1 Definisi *al-Murābahah*

Pada bahasa merupakan satu jualan yang ditambah ke atas harga asal.²⁸ *al-Murābahah* juga membawa maksud *al-ribh* iaitu pertumbuhan di dalam perniagaan atau dikenali sebagai *mark up price*.²⁹ *al-Murābahah* adalah pembelian barang dengan harga asal dan kemudiannya menjualkan barang tersebut bersama keuntungan. *al-Murābahah* dapat menghilangkan sangsi pembeli tentang harga sebenar barang yang dibeli. Pembeli dapat mengetahui nilai keuntungan yang sebenar diperolehi oleh penjual.

1.2.2 Perundangan *al-Murābahah*

al-Qur'an telah menerangkan tentang keharusan *al-murābahah* sebagaimana firman Allah:

بِأَيْمَانِ الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بِيَنْكُمْ بِالْبَطْلَ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تَحْرِةً عَنْ
تِرَاضٍ مِنْكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman janganlah sekali-kali kamu memakan harta di antara kamu dengan cara yang salah kecuali dengan cara perniagaan yang mendapat persetujuan di antara kamu"

Sūrah al-Nisā' (5) : 29.

²⁸ Ahmad al-Sharbāsi (1981), *op.cit.*, h. 415.

²⁹ Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h. 72. Lihat juga. Salhi Shālah (2001), *op.cit.*, h.h 28&30.

al-Murābahah merupakan persetujuan bersama di antara pembeli dan penjual dalam melakukan jual beli. Setelah berlakunya reda meredai antara dua yang berakad maka sahlah jual beli tersebut. Dalam kontek ayat yang lain, Allah telah berfirman:

وَأَحْلَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحْرَمَ الرِّبَا

“Dan Allah menghalalkan jual beli serta mengharamkan ribā”

Sūrah al-Baqarah (2) : 275.

Sebagaimana Rasulullah telah bersabda dalam hadīth baginda:

عن صالح ابن صهيب عن أبيه قال ، قال رسول الله (صلى):
ثلاث فيهن البركة : البيع إلى أجل المقارضة واحلاط البر بالشعير للبيت
لا للبيع.³⁰

“Dari Suhayb al-Rumī R.A, Bahawa sesungguhnya Rasullah s.a.w telah bersabda; Tiga hak yang di dalamnya terdapat keberkatan, Jual beli secara tangguh, mudārabah dan mencampurkan gandum dengan tepung untuk keperluan rumah bukan untuk dijual”

Hadīth Riwayat Ibn Mājah

1.2.3 Rukun *al-Murābahah*

Rukun *al-murābahah* adalah sama dengan rukun muamalah lain, iaitu :

- 1) Penjual dan pembeli.

³⁰ Muhammad Ibn Yazid Abū ‘Abd Allah al-Quzwaynī (t.t), *Sunan Ibnu Mājah*, Kitāb al-Tijārāt, Bāb al-Shirkah wa al-Muqārabah, no. hadith 2289.

- 2) Barang yang diperdagangkan.
- 3) Harga barang tersebut.

1.2.4 Contoh *al-Murābahah*

Jualan tambah untung atau dikenali sebagai *al-murābahah* merupakan suatu perjanjian yang dimetrai oleh pemilik barang dan pembeli.³¹ Pemilik menetapkan harga barang terlebih dahulu serta mendapat persetujuan bersama antara kedua pihak yang berakad. Penggunaan *bay'* *al-murābahah* lebih dipraktikkan dalam urusan import melalui surat kredit dan pembiayaan modal pusingan bagi pembelian stok dan inventori, alat ganti serta barang separuh siap.

1.2.5 Syarat Sah *al-Murābahah*

Fuqaha' telah menggariskan beberapa panduan untuk menilai syarat sah *bay'* *al-murābahah* antaranya :

- 1) Mengetahui harga belian yang pertama. Pembeli hendaklah dimaklumkan oleh penjual harga belian yang pertama. Sekiranya harga pembelian pertama tidak diketahui sehingga berlangsungnya majlis akad, maka transaksi tersebut adalah *fāsid*. Sekiranya urusan jual beli ini masih berterusan sehingga kedua belah pihak yang berakad itu terpisah dari majlis, maka jualan tersebut dikira batal kerana sifat *fāsid* itu berterusan.³²

³¹ BRIT (1998), *op.cit.*, h.42.

³² Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, h.704.

2) Mengetahui kadar keuntungan yang telah dihadkan. Ini adalah wajid kerana merupakan syarat sah jual beli.³³ Memandangkan *al-murābahah* merupakan satu skim pembiayaan pelanggan, maka pelanggan dibenarkan membuat bayaran secara ansuran bulanan atau sekali gus mengikut perjanjian. Pembiayaan yang dibuat di institusi kewangan Islam, hendaklah disyaratkan kepada pelanggan agar mempunyai sedikit pendahuluan sebelum memohon pembiayaan ini. *al-Murābahah* mendapat tempat di hati pelanggan di sistem perbankan Islam selepas perkhidmatan BBA.

3) Modal hendaklah merupakan barang *mithaliyyāt*.³⁴ Abū Hanīfah telah mensyaratkan bagi barang *mithaliyyāt* bukan daripada jenis matawang. Oleh yang demikian matawang tidak sah diperniagakan secara *al-murābahah* kerana matawang bukanlah barangan.³⁵

4) Bebas daripada *ribā*. Barang yang diperdagangkan hendaklah terselamat daripada unsur *ribā*. Ini kerana segala transaksi Islam yang diamalkan dalam sistem ekonomi Islam berdasarkan kepada bebas daripada unsur *ribā*.

5) Akad yang pertama hendaklah sah. Sekiranya terdapat kecacatan dalam akad yang pertama, maka penjualan secara *al-murābahah* adalah tidak harus. Ini kerana definisi *al-murābahah* adalah penjualan harga pertama bersama dengan tambahan keuntungan.³⁶

³³ *Ibid*, h. 705. Lihat juga ‘Abd Sāmī’ al-Miṣrī (1986), *al-Tijārah fī al-Islām*, c. 2, Qāhirah, Misr: Maktabah Wahbah, h. 66.

³⁴ Merupakan barang yang dapat disukat ditimbang atau dapat dibilang secara kasar.

³⁵ ‘Abd al-Rahman al-Jazīrī (1972), *op.cit.*, h.281.

³⁶ Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, j.4, c.3, Bayrūt, Lubnān: Dār fikr, h. 706.

1.3 AL-WAKĀLAH

1.3.1 Definisi *al-Wakālah*

Makna asalnya ialah menukar atau menyerahkan sesuatu kerja mahupun amanah kepada orang lain disebabkan terdapat keuzuran pada pewakil asal.³⁷ Pada bahasa membawa maksud penjagaan sepertimana firman Allah:

حُسْبَنَا اللَّهُ وَنَعْمَ الْوَكِيلُ...

'...Cukuplah Allah untuk menolong kami dan ia sebaik-baik pengurus kepada segala urusan kami'

Sūrah Āl 'Imrān (4): 173.

al-Wakālah merupakan suatu akad untuk melantik seseorang agar mengambil alih tempat orang lain bagi melaksanakan sesuatu tugasan bagi pihaknya.³⁸ Ada juga yang menyatakan bahawa *al-wakālah* bererti perlindungan (*al-hifz*), percukupan (*al-kifāyah*), tanggungan (*al-damān*) dan pendeklasian (*al-tafwīd*).³⁹ Sistem *al-wakālah* adalah menjadi salah satu asas yang penting dalam jaminan sosial Islam, kerana jaminan sosial itu sendiri perlu kepada wujudnya sistem ini.⁴⁰

³⁷ Ahmad al-Sharbāsi (1981), *op.cit.*, h. 415.

³⁸ Habshi Ash Shiddieqy (1974), *Pengantar Fiqh Mu'amalah*, Jakarta, Indonesia: Terbitan Bulan Bintang, h. 91.

³⁹ Helmi Karim M.A. (1993), *Fiqh Mu'amalah*, c. 2, Jakarta, Indonesia: Lembaga Studi Dan Kemasyarakatan (LSIK), h. 20.

⁴⁰ Abd. Sami' al-Misri (1993), *Perniagaan Dalam Islam*, Ahmad Haji Hasbullah (Terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 130.

1.3.2 Perundangan *al-Wakālah*

al-Wakālah adalah diharuskan di sisi syara' berpandukan dalil al-Qur'an yang bermaksud :

وَكَذَلِكَ بَعْثَنَهُمْ لِيَتْسَأَلُوا بَيْنَهُمْ (ج) قَالَ قَاتِلُهُمْ كَمْ لِبَثَمْ (صَلَّى) قَالُوا لِبَثَا
بِوْمَا أُوْ بَعْضْ (ج) قَالُوا رِبَّكُمْ أَعْلَمْ بِمَا لَبَثْتُمْ فَابْعُثُوا أَحَدَكُمْ بُورْقَمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ
فَلَيَنْظُرْ أَيْهَا ازْكَرْ طَعَامًا فَلِيَأْتِكُمْ بِرَزْقٍ مِنْهُ وَلَا يَتَطَافَّ وَلَا يَشْعُرُنَ بِكُمْ أَحَدًا.

*"Dan demikianlah pula kami bangkitkan mereka (dari tidurnya)
supaya mereka bertanya sesama mereka sendiri, Maka salah seorang
daripada mereka telah bertanya 'berapa lama kah kamu telah tidur ?'"
Mereka menjawab 'kita telah tidur selama sehari atau sebahagian
daripada sehari' dan setengah lagi yang menjawab 'tuhan kamu
lebih mengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah
seorang daripada kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar;
kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan
yang lebih baik lagi halal (yang di jual di situ) kemudian hendaklah
dia membawa kepada kamu sedikit habuan daripadanya; dan
hendaklah ia berlemah lembut dengan bersungguh sungguh; dan
janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapapun
menyedari akan hal kamu"*

Sūrah al-Kahfī (15) : 19.

Di dalam hadīth juga terdapat dalil yang menyatakan bahawa Rasulullah pernah mewakilkan kepada 'Umar Ibn Umayyah al-Shara' pada majlis perkahwinan Ummu Ḥabībah ibn Abī Sufyān. Rasulullah juga pernah mewakilkan orang untuk membuat pelbagai urusan seperti pembayaran hutang, dalam hal pengurusan unta dan lain lain lagi.

Dalam perkembangan fiqh Islam, *al-wakālah* merupakan topik yang cukup hebat diperdebatkan secara lebih terperinci, adakah ianya *niyābah* (terhad)

ataupun *wilāyah* (tidak terhad). Bagi yang menyatakan *al-wakālah* itu sebagai *niyābah*, si wakil tidak dapat menggantikan seluruhnya fungsi pewakil tersebut. Bagi yang menyatakan *al-wakālah* sebagai *wilāyah* pula si wakil diberikan kepercayaan seratus peratus untuk melaksanakan tugasannya tersebut.⁴¹

1.3.3 Rukun-Rukun *al-Wakālah*

Rukun-rukun *al-wakālah* adalah seperti berikut :

- 1) Wakil.
- 2) Orang yang di wakili.⁴²
- 3) Perkara yang di wakili
- 4) *Sīghah* (*ijāb* dan *qabūl*).

1.3.4 Contoh *al-Wakālah*

al-Wakālah merupakan satu akad perjanjian di antara orang yang melantik seseorang wakil dengan orang yang dilantik sebagai wakil. Proses ini berlaku di mana orang yang melantik wakilnya menyerahkan kuasa kepada wakil tersebut. Wakil yang dilantik diamanahkan untuk melaksanakan sesuatu kerja atau tugas bagi pihak pelantik. Pemberi amanah hendaklah menyatakan dengan jelas bidang dan skop kerja yang telah diberikan itu. Modal yang diberikan kepada wakil dianggap sebagai *wadī'ah* selagi mana modal tersebut berada di bawah jagaan beliau.

⁴¹ Muhammad Shāfi'i Antonio (1999), *op.cit.*, h.239.

⁴² 'Alī Ahmad al-Sālūs (2000), *al-'Iqtisād al-Islāmī wa al-Qadāyā al-Fiqhiyyah al-Ma'āṣarah*, al-Doha, Qatar: Dār al-Thaqāfah, h. 877.

Memandangkan semua kerja yang dilakukan oleh wakil memerlukan kos dan waktu yang perlu dikorbankan untuk memikul amanah tersebut, maka wakil dibenarkan mengambil upah di atas perkhidmatan yang telah dilakukannya.

1.3.5 Syarat Sah *al-Wakālah*

Di samping rukun-rukun *al-wakālah* terdapat juga syarat-syarat sah *al-wakālah*. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut :

- 1) Barang⁴³ atau amanah⁴⁴ yang diamanahkan kepada wakilnya merupakan milik pewakil atau di bawah jagaan pewakil sepenuhnya.
- 2) Bagi wakil dan orang yang mewakil hendaklah terdiri daripada orang yang berakal, pintar dan boleh dipertanggungjawabkan.
- 3) Wakil hendaklah maklum serta mengetahui amanah yang diwakilkan kepada beliau dan perkara tersebut hendaklah dinyatakan dengan nyata dan jelas semasa akad. Adalah tidak sah mewakilkan sesuatu yang tidak diketahui. Sah mewakilkan sesuatu perkara yang ada hubungan muamalah sesama manusia walaupun orang yang mewakil itu boleh melakukannya dengan sendiri.⁴⁵
- 4) *al-Wakālah* itu sendiri akan menjadi tidak sah sekiranya perkara yang melibatkan ‘ibādah badānīyah seperti solat. Akan tetapi berbeza dengan ibadah haji atau umrah, sembelihan, korban dan puasa *kaffārah*.⁴⁶

⁴³ Yang dimaksudkan di sini seperti harta ataupun wang tunai.

⁴⁴ Amanah di sini, seperti yang diamalkan dalam sistem perbankan Islam Malaysia dalam produk *Islamic Shipping Guarantee*. Produk ini akan diterangkan oleh penulis di dalam Bab Dua kelak.

⁴⁵ BIRT (1998), *op.cit.*, h. 118.

⁴⁶ Yang dimaksudkan *Kaffārah* di sini ialah denda. Denda yang dikenakan kepada orang muslim di bulan Ramâdan dan melakukan persetubuhan dengan isterinya pada siang hari. Denda yang dikenakan mengikut turutan seperti berikut ; Memerdekaan hamba, atau sekiranya tidak mampu hendaklah ia berpuasa selama dua bulan berturut-turut, atau sekiranya tidak mampu

- 5) Diharuskan pembatalan bagi *al-wakālah* ini sekiranya terdapat persetujuan dari kedua-dua belah pihak.
- 6) Akad ini juga akan terbatal sekiranya berlaku kematian, gila atau salah seorang menarik diri daripada akad ini.

1.3.6 Jenis-Jenis *al-Wakālah*

Secara umumnya *al-wakālah* dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu :

- 1) *al-Wakālah al-Muṭlaqah* : Merupakan *al-wakālah* yang tidak terikat dengan syarat-syarat tambahan selain daripada syarat-syarat yang telah diharuskan syara'. *al-Wakālah al-Muṭlaqah* juga tidak terikat dengan keadaan dan tiada had masa.
- 2) *al-Wakālah al-Muqayyadah* : Merupakan *al-wakālah* yang terikat dengan syarat-syarat tambahan di samping syarat-syarat yang diharuskan oleh syara'. *al-Wakālah al-Muqayyadah* terikat dengan keadaan yang tertentu atau terhad dengan wakil yang tertentu.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa di dalam sistem perbankan Islam terdapat banyak aktiviti perdagangan yang dijalankan berkonsepkan *al-wakālah* seperti dalam pembelian saham, pesanan barang dari luar negara, kemudahan surat kredit dan lain-lain lagi. Kesemua produk-produk ini menggunakan prinsip *al-wakālah*.

hendaklah memberi makan kepada 60 orang miskin sesuatu yang dapat mendatangkan kenyang kepada mereka.

1.4.1 Definisi *al-Kafālah*

al-Kafālah atau *al-damānah* yang membawa erti yang sama iaitu suatu jaminan. *al-Kafālah* berasal daripada perkataan *kafil* atau *kāfil* yang membawa makna jaminan atau penjamin. Kalimah penjamin pada asalnya digunakan pada hal penjagaan ke atas anak yatim.⁴⁷ Di dalam pengertian yang lain pula, *al-kafālah* membawa maksud pengalihan tanggung jawab seseorang yang dijamin kepada penjamin. Dalam konteks jaminan di sini pula membawa banyak makna yang tersendiri, antaranya ialah :

- 1) Menghadirkan diri seseorang yang mempunyai tanggung jawab tertentu untuk diambil tindakan. Seperti contoh, Si A mengikat jamin Si B keluar dari penjara sehingga tempoh perbicaraan itu ditetapkan. Dalam tempoh penetapan hari perbicaraan tersebut Si B dibenarkan keluar dari penjara dengan ikat jamin. Si B hendaklah menghadirkan diri semula pada hari perbicaraan tersebut ditetapkan.
- 2) Tanggung jawab ke atas hak yang wajib ke atas orang lain. Sebagai contoh tanggung jawab penjaga yang diamanahkan untuk menjaga harta anak yatim semasa kecil. Apabila anak yatim tersebut meningkat dewasa dan matang, adalah menjadi kewajipan penjaganya menyerahkan segala harta anak yatim tersebut kepadanya.
- 3) Mendapat sesuatu barang gantian untuk pihak yang berhak. Sebagai contoh, apabila barang yang baru dibeli dan masih lagi di bawah

⁴⁷ Ahmad al-Sharbāsi (1981), *op.cit.*, h. 386.

jaminan (*under warranty*). Sekiranya berlaku sebarang kerosakan ke atas barang tersebut, maka kerosakan barang tersebut mestilah digantikan dengan barang yang lain dan elok.

1.4.2 Perundangan *al-Kafālah*

Perundangan *al-kafālah* telah termaktub di dalam al-Qur'an dan al-Hadīth.

Di dalam al-Qur'an Allah telah menerangkan tentang *al-kafālah* sebagaimana firman Allah:

قَالُوا نَفْدِ صَوَاعِ الْمَلَكِ وَلِنْ جَاءَهُ حَمْلٌ بَعِيرٌ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ

'Dan sesiapa yang memulangkannya akan di berikan (benda makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberian itu'

Sūrah Yūsuf (13): 72.

Di dalam hadīth pula, Rasulullah pernah bersabda.⁴⁸

وَجَأَ فِي صَحِيفَ الْبَخَارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) أَتَى بِجَنَازَةَ رَجُلٍ لِيَصْلِي عَلَيْهِ، فَقَالَ : هَلْ تَرَكْ شَيْئًا ؟ قَالُوا: لَا! قَالَ : هَلْ عَلَيْهِ دِينٌ؟ قَالُوا: نَعَمْ! دِينَارَانِ فَقَالَ : صَلَّوَا عَلَى صَاحِبِكُمْ قَالَ أَبُو قَاتَدَةَ : هَمَا عَلَيَّ يَا رَسُولَ اللَّهِ ، فَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ النَّبِيُّ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ).

'...telah dihadapkan kepada Rasulullah (mayat seorang lelaki untuk di sembahyangkan). Rasulullah bertanya 'Apakah dia mempunyai waris?', para sahabat menjawab 'tidak ya Rasulullah!', Rasulullah bertanya lagi 'adakah dia mempunyai hutang?', jawab sahabat 'Ya! Sejumlah 2 dinar. Rasulullah pun menyuruh para sahabat sahaja untuk menyembahyangkan jenazah tersebut. Lalu berkata Abu Qatādah berkata 'Saya akan niembayar hutangnya ya Rasulullah!'.

⁴⁸ al-Hāfiẓ Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Hajar al-‘Asqalānī (1997), *Fath al-Bārī Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Kafālah, Bāb al-Dayn, no. Hadīth, 2298.

Setelah mendengar kata Abu Qatādah, Rasulullah pun menyembahyangkan jenazah tersebut.'

1.4.3 Rukun-Rukun *al-Kafālah*

Setiap muamalah Islam mempunyai rukunnya yang tersendiri begitu juga dengan *al-kafālah*. Islam telah menggariskan rukun rukun *al-kafālah* seperti berikut :

- 1) Penjamin. Bagi penjamin hendaklah mempunyai sifat seperti baligh, berakal serta pandai menguruskan harta. Penjamin juga hendaklah mendapatkan keizinan daripada penerima jaminan terlebih dahulu sebelum melakukan jaminan beliau.
- 2) Penerima jaminan. Bagi penerima jaminan hendaklah seorang yang saling kenal mengenali di antara penjamin dengan penerima jaminan.
- 3) Barang yang dijamin. Barang yang hendak dijamin itu hendaklah barang yang sudah sedia ada. Bagi jaminan yang melibatkan hutang pula, hendaklah tetap dan lazim.⁴⁹

1.4.4 Pembahagian *al-Kafālah*

al-Kafālah boleh dibahagikan kepada lima jenis iaitu:⁵⁰

⁴⁹ 'Alī al-Khaṭīf (1996), *al-Damān fī al-fiqh al-Islāmī*, Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 17.

⁵⁰ Muhammad Shāfi'i Antonio (1999), *op.cit.*, h. 232 & 233.

- 1) *al-Kafālah bi nafs* : Merupakan suatu akad yang memberi keizinan jaminan keatas diri (*personel guarantee*). Ia mirip kepada *sharikah wujūh* di dalam bab *al-mushārakah*.
- 2) *al-Kafālah bi māl*⁵¹ : Ianya merupakan jaminan pembayaran bil atau perlunasan hutang. Seperti contoh seseorang membayarkan hutang kepada pemutang dengan syarat mendapat persetujuan dari penghutang terlebih dahulu.⁵²
- 3) *al-Kafālah bi taslīm* : Merupakan jaminan pemulangan barang yang disewa pada waktu sewaan itu berakhir (*leasing company*). Seperti contoh jaminan pembayaran kepada pihak bank berupa deposit/tabungan.
- 4) *al-Kafālah al-munjazah* : Jaminan mutlak yang tidak dikenakan jangka waktu demi kepentingan umum. Seperti contoh, pemberian jaminan dalam bentuk prestasi (*performance bonds*).
- 5) *al-Kafālah al-mu'allaqah* : Merupakan jaminan penyederhaan dari *kafālah al-munjazah*.

1.4.5 Contoh *al-Kafālah*

Setelah berlakunya akad atau kontrak untuk mencapai persetujuan oleh pihak penjamin dan orang yang dijamin. Pihak penjamin mempunyai tanggungjawab yang sama beratnya dengan orang yang dijamin. Seperti contoh jaminan terhadap pinjaman wang, jika si peminjam itu gagal membayar kembali

⁵¹ Kafālah bi Māl pula merangkumi, kafālah dengan hutang dan Kafālah dengan barang.

⁵² Haji Osman Bin Jantan (2001), *Pedoman Mu'amalat Dan Munākahat*, c.1, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 51.

pinjaman tersebut, penjamin akan dipertanggungjawabkan untuk membuat pembayaran. Pihak penuntut hutang boleh meminta hutang tersebut dari pihak penjamin, bukan lagi kepada pihak yang meminjam.

Di dalam sistem perbankan Islam, jaminan perkапalan dan jaminan bank dilaksanakan mengikut prinsip *al-kafālah*. Pihak bank akan membayar kepada pemilik asal barang sekiranya pelanggan bank gagal menjelaskan tuntutan pembayaran yang telah dibuat kepada pelanggan tersebut.⁵³

1.5 *AL-MUDĀRABAH*

1.5.1 Definisi *al-Mudārabah*

Pada asalnya membawa maksud *musāfir* atau berjalan di muka bumi. Ini kerana pedagang-pedagang Mekah dan Iraq suka bermusafir.⁵⁴ Kalimah *al-darb* merupakan bahasa yang sering digunakan oleh pedagang-pedagang Mekah dan Iraq semasa dalam perjalanan mereka untuk berdagang. *al-Mudārabah* juga disebut sebagai *al-qirād* berasal dari kalimah *qard*. Dari segi istilah, *mudārabah* membawa maksud suatu kontrak perkongsian keuntungan yang mana satu pihak menyumbangkan kemahiran kerja manakala pihak lain menawarkan sumber

⁵³ Mohammad Ariffin (2000), *al-Ahkām Undang-Undang Kontrak, Dasar, Konsep Dan Masalah*, j. 7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka , h. 8.

⁵⁴ Ahmad al-Sharbāsi (1981), *op.cit.*,h. 27. Lihat juga. al-Khatīb (1958), *op.cit.*,h. 309. Lihat juga. Ibn Qudāmah, (1972), *op.cit.*, h. 130.

modal.⁵⁵ Pengusaha akan diberi sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi hasil dari usaha niaganya mengikut nisbah yang telah dipersetujui.

Syara' pula menerangkan *al-muḍārabah* sebagai suatu akad *shirkah* pada mendapatkan keuntungan, di mana salah seorang mengeluarkan modal dan seorang lagi rakan kongsi yang lain menyumbangkan tenaga kerja.⁵⁶ al-Bayhaqī menerangkan bahawa *al-muḍārabah* merupakan suatu akad perkongsian modal dan pengusaha untuk mendapatkan keuntungan di dalam sesebuah perniagaan. Kadar pembahagian keuntungan ini diketahui oleh semua pemegang saham.⁵⁷ Fuqaha' pula mendefinisikan *al-muḍārabah* sebagai satu akad mewakilkan harta daripada pemilik asal kepada orang lain dengan tujuan untuk diperdagangkan harta tersebut. Harta yang diperdagangkan itu hendaklah berupa wang tunai sahaja⁵⁸ yang sah diperlakukan dengan nilai.⁵⁹

Di dalam sistem perbankan Islam, *al-muḍārabah* merupakan suatu kontrak antara kumpulan pelanggan sebagai pendeposit yang menyumbangkan sejumlah modal kepada bank. Dengan ini pihak bank dapat menggunakan wang tersebut untuk melaksanakan sesuatu projek. Keuntungan yang bakal diperolehi akan dibahagikan mengikut kadar yang telah dipersetujui semasa akad. Kerugian

⁵⁵ Bank Islam Malaysia Berhad, http://www.bankislam.com.my/pstpnegan_maksud.htm, 18 November 2002.

⁵⁶ Ahmad al-Sharbāsi (1981), *op.cit.*, h.427.

⁵⁷ Othman Yong (1991), *Kamus Pelaburan*, c. 1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 94.

⁵⁸ Ada juga pandangan yang menyatakan bahawa apa jua barang yang sudah ditentukan nilainya boleh disumbangkan sebagai modal dalam *muḍārabah*. Sila rujuk. Khursid Ahmad (1976), *Kajian Dalam Ekonomi Islam*, Sibly Bin Maros(1991)(Terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 105.

⁵⁹ al-Khatīb (1958), *opcit.*, h. .310. Lihat juga. Ibn Qudāmah (1972), *op.cit.*,h. 130.

akan ditanggung oleh pendeposit kecuali kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaian atau penyelewangan bank sebagai pengusaha.⁶⁰

1.5.2 Perundangan *al-Mudārabah*

al-Mudārabah merupakan muamalah yang ‘halal’ dalam institusi muamalah Islam, sebagaimana firman Allah:

وَآخِرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَتَغَوَّنُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

'Dia (Allah) yang maha mengetahui bahawa akan ada orang-orang yang berjalan di muka bumi, mencari sebahagian daripada kurniaan Allah'

Sūrah al-Muzammil (29): 20.

Kalimah يَتَغَوَّنُ dalam kontek ayat di atas membawa maksud ‘mencari’.

Berdasarkan ayat tersebut al-Mawārdī menafsirkan bahawa Allah menuntut hambanya agar mencari rezeki yang telah dilimpah kurniakan melalui *al-mudārabah*. Manakala terdapat *athar* yang telah menguatkan lagi keharusan transaksi ini.

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِهِ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ وَعَبْدِ اللَّهِ ابْنِي عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ
مَرَا بَأْيِ مُوسَى الْأَشْعَرِيُّ وَهُوَ عَلَى الْعَرَاقِ مُقْبِلٌ مِنْ أَرْضِ فَارَسٍ فَقَالَ: مَرْجِبًا

⁶⁰ BIMB(1994), ‘al-Mudārabah Deposit’ (Kertas Kerja Seminar On Islamic Banking Practise SPTF Series di Kuala Lumpur Holiday Inn Centre, Ogos, 1994) h. 1. Lihat juga BIMB (1993), *Guidelines On (SPTF) For Commercial Banks*, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, h. 3. SilaRujuk.BankIslamMalaysiaBerhad, http://www.bankislam.com.my/pstpnern22n_maksud.htm. 18 November 2002.

بابن أخي لو كان عندي شيء أو كنت أقدر على شيء وبلي هذا المال قد اجتمع
عندك فخذنه فاشتريا به متعاه فإذا قدمتنا على عمر فيعاه ولكلما الريح وادفعنا إلى
عمر رضي الله عنه أمير المؤمنين رأس المال واضمننا فلما قدمنا على أمير المؤمنين تأبا
أن يجعل ذلك وجعله قراضة.

⁶¹
(الدارقطني)

Daripada Zaid Ibn 'Aslam, daripada bapanya daripada datuknya, bahwasanya 'Abdullah dan 'Ubaydullah, kedua-duanya merupakan anak kepada 'Umar Ibn al-Khattab r.a telah bersama Abī Müsa al-'Ash'arī di 'Irāq, dan mereka kedua-duanya dari negara Pārsi, Berkata Abū Müsa 'Selamat datang wahai anak-anak sahabatku, sekiranya di sisiku sesuatu ataupun sekiranya aku mampu ke atas sesuatu sudah pasti harta itu telah dikumpulkan bersamaku, maka kamu berdua ambillah harta tersebut dan berbelanjalah dengannya, apabila kamu berjumpa 'Umar al-Khattab maka kamu jual harta tersebut dan keuntungan daripada jualan itu kamu ambil, kamu berdua hendaklah membayar modal(barangan tersebut) kepada 'Umar dan kamu berdua hendaklah bertanggung jawab ke atas (kerosakan barang tersebut) untuk digantikan, lantas apabila sampai kepada 'Umar tentang hal ini beliau enggan berbuat demikian, sebaliknya beliau menjadikannya sebagai qirād.'

Hadith riwayat al-Dar al-Qatni

1.5.3 Rukun-Rukun *al-Mudārabah*

Terdapat perbezaan pandangan oleh fuqaha' mengenai *al-mudārabah*. Imam Hanafi menyatakan bahawa rukun *al-mudārabah* hanya dua sahaja iaitu *ijāb* dan *qabūl*. Di sisi Imam al-Shāfi'i pula menyatakan rukun *al-mudārabah* merangkumi lima rukun iaitu modal, perusahaan, keuntungan, orang yang berakad dan *ṣīghah*

⁶¹ 'Alī Ibn 'Umar Abū āl-Ḥasan al-Dār Qatni al-Baghdādī (1966), *Sunan al-Dār Qatni*, Kitāb al-Buyū', no. hadith 241.

(*ijāb* dan *qabūl*).⁶² Jumhur ulama' pula telah menetapkan rukun *al-mudārabah* kepada enam rukun iaitu:

- 1) Pemodal. Dikenali juga dengan (*owner of fund*) yang bertindak sebagai pemilik harta dan melaburkannya untuk dijadikan modal di dalam urusniaga *al-mudārabah*. Secara tidak langsung transaksi ini juga melibatkan prinsip *al-wakālah*. Ini kerana pemodal telah mengamanahkan kepada pengusaha untuk mengembangkan harta beliau. Tidak disyaratkan kepada pemodal seorang yang beragama Islam. Oleh yang demikian, sah berurusan dengan kafir *dhimmī* atau kafir *musta'man*.⁶³
- 2) Pengusaha. Pengusaha (*entrepreneur*) hendaklah saling kenal mengenali di antara dua orang yang berakad. Sekiranya tidak kenal antara mereka kebarangkalian untuk berlaku penipuan adalah besar. Pengusaha hendaklah amanah dan mahir dalam urusan muamalah Islam ketika mana berurusan dengan wang pemodal. Sekiranya modal tersebut disalahgunakan untuk tujuan lain atau modal tersebut musnah disebabkan kecuaianya atau dimusnahkan dengan sengaja maka menjadi kewajipan ke atasnya menggantikan modal tersebut dengan sepenuhnya.⁶⁴ BIMB telah menggariskan peraturan bahawa pemilik modal tidak dibenarkan mengambil mana-mana bahagian dalam pengurusan projek tetapi pemodal boleh menjadi pemantau dan membuat susulan tentang perniagaan tersebut.⁶⁵

⁶² al-Sheikh Sulaymān al-Bujairimi (1951), *Bujairimi 'alā al-Khatib*, j. 3, Qāhirah, Miṣr: Mustafa al-Halabi , h. 158.

⁶³ Kafir *musta'man* adalah kafir yang meminta pertolongan dan perlindungan di bawah kerajaan Islam.

⁶⁴ Takaful National Berhad, http://www.takafulnasional.com.my/Mudharabah_umum.htm. 18 November 2003. Lihat juga. BIMB (1994), *Muḍārabah Financing*, Kuala Lumpur: Institut Bank-Bank Islam Malaysia. Lihat juga, M.Umar Chapra (1990), *Sistem Kewangan Yang Adil*, Ismail Bin Omar (Terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 263.

⁶⁵ BIMB (1984), *Bank Islam Penubuhan Lan Operasi*, Kuala Lumpur, h. 8.

3) Modal. Ianya merupakan salah suatu aspek yang terpenting di dalam memulakan perniagaan atau pelaburan *al-muḍārabah*, kerana tanpa modal sesuatu kerja yang hendak dijalankan tidak akan berhasil. Dalam sistem kewangan Islam, modal diketogorikan kepada wang tunai dan hartanah. Di dalam sesuatu akad, pemodal dan pengusaha mestilah mengetahui kadar jumlah dan benda ('ayn) yang dapat dilihat. Modal yang melibatkan wang hendaklah diserahkan ke tangan pengusaha secara tunai sebelum sesebuah urusniaga itu dapat dijalankan. Sekiranya wang modal tersebut ditangguhkan pemberiannya, maka rosaklah akad *muḍārabah* tersebut. Ini kerana hasrat untuk menjalankan sesuatu projek itu mungkin gagal kerana ketiadaan modal permulaan yang mencukupi.

4) Kerja atau projek. Merangkumi segala jenis perniagaan yang telah diharuskan oleh syara' dan pada bila-bila masa sahaja .

5) Keuntungan. Setiap perniagaan bermatlamatkan keuntungan. Segala kadar pembahagian keuntungan dipersetujui pada waktu akad. *al-Muḍārabah* tidak akan sah sekiranya keuntungan sesebuah projek itu ditetapkan oleh satu pihak sahaja.⁶⁶

6) *Sīghah* (*Ijāb* dan *Qabūl*). Perjanjian mengenainya mestilah jelas dan dalam bahasa yang difahami oleh kedua-dua belah pihak sama ada secara lisan atau tulisan. Penggunaan alatan komunikasi moden seperti penggunaan faksimili, komputer, ataupun internet dibolehkan untuk melicinkan urusan *ijāb* dan *qabūl* ini.⁶⁷

⁶⁶ BIRT (1998), *op.cit.*, h. 92.

⁶⁷ Muhammad Shāfi'i Antonio (1999), *op.cit.*, h. 174.

1.5.4 Jenis-jenis *al-Mudārabah*

al-Mudārabah terbahagi kepada empat jenis sekiranya ditinjau dari fungsinya dalam perniagaan atau muamalah.⁶⁸

- 1) *Mudārabah amānah* : Pengusaha sebagai pemegang amanah daripada pemodal. Oleh yang demikian pengusaha bertanggungjawab sepenuhnya ke atas modal yang telah dikeluarkan oleh pemodal. Jika berlaku kecuaian yang boleh mengakibatkan kepada kerugian, ianya mesti ditanggung oleh pengusaha.
- 2) *Mudārabah wadī'ah* : Ia mirip kepada hukum *al-mushārakah*, kerana modal yang berada dalam tangan pengusaha itu merupakan rakan perkongsian dengan pemodal.
- 3) *Muqārabah muṭlaqah* : Pemodal memberi sepenuh kebebasan kepada pengusaha untuk melakukan perusahaan yang dikehendakinya.⁶⁹ Di antara kebebasan pengusaha adalah bebas untuk berjual beli untuk mendapatkan keuntungan, menjalankan urusan jual beli secara tunai atau tertangguh, boleh juga menerima *hiwālah* sama ada dalam urusan pembayaran atau pembiayaan, boleh melantik wakil untuk menjalankan sesuatu tugas dan pengusaha juga boleh memindahkan modal dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Akan tetapi pengusaha tidak boleh meminta pinjaman wang daripada orang lain (selain pemodal) tanpa pemberitahuan pemodal terlebih dahulu.⁷⁰

⁶⁸ Mustafa Haji Daud (1995), *Perniagaan Menurut Islam*, c. 2, Selangor: Dayasitis Sdn. Bhd. h. 46.

⁶⁹ Produk-Produk Halal Dalam Perbankan Islam http://www.halal.com.my/halal1/info_Banking.htm, 1 Januari 2003.

⁷⁰ Produk-Produk Halal Dalam Perbankan Islam http://www.halal.com.my/halal1/info_Banking.htm, 1 Januari 2003.

4) *Mudārabah muqayyadah* : Pemodal akan menentukan usaha yang akan dijalankan. Kegiatan pengusaha dihadkan serta disyaratkan untuk masa, tempat, jenis perusahaan dan pelanggan. Pengusaha tidak boleh mencampurkan harta *mudārabah* tersebut dengan harta *mudārabah* yang lain tanpa persetujuan pemodal.

1.6 *AL-QARD AL-HASAN*

1.6.1 Definisi *al-Qard al-Hasan*

Pada bahasanya ialah potongan yang baik. Dikenali juga sebagai *al-dayn* dan *al-salaf*, yang membawa erti hutang. Transaksi ini disandarkan kepada pinjaman kerana ianya merupakan suatu potongan daripada pemutang kepada peminjam untuk menolong peminjam memenuhi keperluannya sebagai suatu amalan yang direhdai Allah.⁷¹

al-Shāfi‘ī menerangkan maksud *al-qard* ialah meminjamkan sesuatu harta kepada orang lain agar dapat dimanfaatkannya. Harta yang dipinjam tersebut hendaklah dikembalikan semula kepada peminjam seperti sediakala ataupun mengantikannya sekiranya telah digunakan.⁷² Imam Malik pula mendefinisikan sebagai suatu pinjaman harta yang berharga kepada peminjam daripada

⁷¹ Ibn Manzūr (1956), *Lisān al-‘Arab*, j. 9, Bayrūt, Lubnān: Dār ‘Ādil, h. 1101 .

⁷² al-Khatib (1958), *op.cit.*, h. 400. Sila rujuk. Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn ‘Alī Ibn Yūsuf al-Fairūz ‘Abādhī al-Shirāzī, *al-Mudhāhib fi Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, j. 1, Qāhirah, Miṣr: Mustafa al-Babi al-Halabī, h. 400.

pemutang. Peminjam mendapat manfaat daripada harta tersebut. Sebarang lebihan di dalam pembayaran semula kepada pemutang adalah ditegah.⁷³

Kalimah *al-qard* merupakan suatu akad perjanjian pinjaman di antara dua belah pihak untuk memberi pinjaman sejumlah wang pinjaman kepada peminjam untuk tempoh masa yang tertentu. Peminjam berjanji akan melangsaikan semua hutang tersebut tanpa bayaran tambahan. Sekiranya terdapat bayaran tambahan yang dikenakan, maka bayaran itu bukanlah menjadi faedah ke atas pinjaman tetapi boleh di ketogerikan sebagai caj perkhidmatan,⁷⁴ duti setem atau sebab-sebab lain. Pembayaran yang lebih dibuat oleh peminjam sebagai tanda terima kasih ke atas pertolongan pemutang adalah tidak haram.⁷⁵

1.6.2 Perundangan *al-Qard al-Hasan*

Perundangan *al-qard al-hasan* seiringan dengan firman Allah :

من ذا الذي يقرض الله قرضاً حسناً فيضعه له أضعافاً كثيرة (ج) والله يقبض و يحيط وإليه ترجعون.

'Barang sesiapa yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah sebagai suatu pinjaman yang baik (Ikhlas) supaya Allah melipat

⁷³ al-Maltawī (1973), *Fiqh al-Mu'amalah 'alā Madhāhib al-Imām Mālik*, Qāhirah, Miṣr: al-Majlis al-A'lā li al-Sū'un al-Islāmiyah, h. 96.

⁷⁴ Kadar caj perkhidmatan hendaklah tidak melebihi 1% sahaja. D.M Qureshi menegaskan caj perkhidmatan hendaklah dicajkan pada kadarana sederhana dan bersyarat, caj tersebut hendaklah berdasarkan kepada kos sebenarnya untuk penyelenggaraan pinjaman itu. Lihat D.M Qureshi (1986), 'The Role Of Syariah Based Financing Instruments In A Muslim Country' (Kertas Kerja Seminar On Developing A System Of Islamic Financial Instrument, Kuala Lumpur, 28 April – 5 Mei 1986), h. 5

⁷⁵ Muhammad Ibn Ismā'il Ibn Ibrāhim Ibn al-Mughīrah Ibn Yārizbah al-Ja'fi al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Jil (3), Bayrūt, Lubnān: Dār al-Qalam, h.h 246&248. Lihat juga Faḍīlah al-Sheikh Faisal Ibn 'Abd al-'Azīz al-Mubārak (al-Qādi Jādū) (1987), *Mukhtasar Naylu al-Aufār*, j. 1 Abd. Qadil Hasan, Mu'ammal Hamidy, Imron Am, Umar Fanany B.A, (Terj.), Kuala Lumpur: Pustaka al-Azhār, h. 1782.

gandakan balasananya dengan banyak. Dan ingatlah sesungguhnya Allah jualah yang menyempitkan dan meluaskan rezeki dan kepadanyalah kamu semua akan dikembalikan'

Sūrah al-Baqarah (2): 245.

Firman Allah lagi dalam sūrah al-Hadīd:

من ذا الذي يقرض الله قرضاً حسناً فقضاعنه له وله أجر كريم

'Siapakah yang mahu meminjamkan kepada Allah suatu pinjaman yang baik, maka Allah akan melipatkan gandakan balasan pinjaman itu untuknya dan dia akan memperolehi ganjaran yang baik'

Sūrah al-Hadīd (27): 11.

Ayat-ayat di atas menunjukan bahawa, Allah akan melimpahkurniakan satu ganjaran yang besar kepada pemutang sama ada dalam bentuk gandaan pahala dan penutup kesalahan di padang Mahsyar. Allah juga menjanjikan syurga sebagai balasan yang paling besar untuk pemutang.⁷⁶

Terdapat juga hadīth Nabawi yang menerangkan tentang keharusan transaksi ini. Hadīth dari Ibnu Mas'ud menerangkan bahawa Rasulullah telah bersabda:⁷⁷

عن ابن مسعود أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ما من مسلم يقرض مسلماً
قرضاً مرتين إلا كان كقصد قتها مرة.

(ابن ماجه)

⁷⁶ Barjoyai Bardai & Mohd Firuz Md. Salleh (1980), *Strategi Pelaburan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. H. 170.

⁷⁷ Muhammad Ibnu Yazid Abū 'Abd Allah al-Quzwaynī (t.t), *op.cit*, Kitāb al-Šadaqah, Bāb al-Qard, no. hadith 2430.

'Seseorang Muslim yang memberi hutang kepada seseorang yang lain sebanyak 2 kali adalah seperti bersedekah'

Dalam hadīth lain pula Rasulullah telah bersabda:

عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلّى الله عليه وسلم : من نفس عن مؤمن
كربة من كرب الدنيا نفس الله عنه كربة من كرب يوم القيمة ومن يسر على
معسر يسر الله عليه في الدنيا والآخرة ومن ستر مسلما ستره الله في الدنيا والآخرة
والله في عون العبد ما كان العبد في عون أخيه...⁷⁸

(رواه مسلم)

*'Barang sesiapa yang melepaskan seseorang muslim daripada sesuatu
kesukaran dunia maka Allah akan melepaskannya satu kesukaran di
akhirat. Dan barang siapa yang memberi kemudahan kemudahan
kepada seseorang yang berada dalam kesusahan, Maka Allah akan
memudahkannya di dunia mahupun di akhirat. Sesungguhnya Allah
membantu hambanya selama mana hambanya itu mebantu
saudaranya'*⁷⁹

Berpandukan hadīth-hadīth di atas, Fuqaha telah berijmak mengharuskan
transaksi ini.

1.6.3 Rukun-Rukun *al-Qard al-Hasan*

Rukun adalah sesuatu yang berperanan dalam menentukan perbuatan itu
wujud atau tidak. Memandangkan *al-qard* sebahagian daripada prinsip pinjaman
Islam, maka ianya mestilah menepati model yang telah ditetapkan dalam fiqh
Islam. Rukun-rukun *al-qard al-hasran* adalah seperti berikut :

⁷⁸ Muslim Ibn al-Hujāj Abū al-Husayn al-Qusayrī al-Naysāburī (t.t), *Šaḥīḥ al-Muslim*, Kitab al-Ijtīmā' 'ala Tilāwah al-Qur'an wa 'alā al-Zikr, no. hadith. 2694.

⁷⁹ Ibn Qudāmah, (1972), *op.cit.* h. 130.

- 1) Pemutang. Pemutang hendaklah mempunyai harta yang dimiliki olehnya dan bukan harta orang lain (pemilikkan yang sempurna).⁸⁰
Pemutang juga mestilah dari kategori orang yang waras, bebas dari gila, tidak bodoh dan juga bukan daripada orang yang telah maflis.
- 2) Penghutang.⁸¹ Peminjam hendaklah menggunakan wang pinjaman tersebut ke arah yang betul dan bukan maksiat.
- 3) Harta yang diberi pinjam. Harta tersebut hendaklah diperolehi dengan cara yang halal sama ada melalui usahanya sendiri seperti kerja ataupun bermiaga. Ataupun melalui warisan seperti hasil peninggalan orang tua atau hadiah pemberian orang kepadanya.
- 4) Lafaz *ijāb* dan *qabūl*.⁸² Hendaklah diucapkan oleh kedua pihak yang berakad. Lafaz yang digunakan ini hendaklah dengan masa yang telah lepas dan tidak sah untuk masa yang akan datang. Sah juga jual beli yang mengucapkan terima kasih kepada pembeli yang bermaksud ‘telah aku jualkannya kepadamu’.⁸³

Segala bentuk penindasan di dalam kehidupan seharian adalah ditegah oleh Islam. Penindasan juga berlaku di dalam penggunaan amalan riba dalam sistem ekonomi. Fenomena *ribā* ini mengakibatkan penderitaan yang semakin berat kepada peminjam.⁸⁴ Oleh yang demikian amalan *ribā* telah diharamkan dalam

⁸⁰ Dalam kontek pemilikan yang sempurna, harta itu hendaklah dalam tangan pemutang dan bukan harta gadaian kepada orang lain.

⁸¹ Merupakan peminjam yang meminjam wang daripada pemutang.

⁸² Menurut Imam al-mutawāli, *Ijāb* dan *qabūl* bukanlah menjadi syarat dalam *al-qard al-hasan*, sekiranya peminjam berkata ‘pinjamkan aku sebanyak ini’, lantas empunya wang menghulurkan wang tersebut tanpa apa-apa lafaz, atau kedua-duanya hanya menghantar wakil masing-masing. Maka akad ini adalah sah di sisi syarak. Sila Rujuk. Ibn Qudamah (1972), *op.cit.*, h. 348.

⁸³ Muhammad Akhir Haji Yaakob (1994), *op.cit.*, h. 44 &45 .

⁸⁴ Muhammad Zuhri (1999), *Riba Dalam al-Qur'an dan Masalah Perbankan (Sebuah Tilikan Antipati)*, c. 1, Jakarta, Indonesia : PT Raja Grafind, h. 49.

setiap pinjaman yang dibuat. Di dalam ekonomi konvensional, amalan *ribā* atau bunga telah dipraktikkan dari mulanya penubuhan hingga ke hari ini. Prinsip *al-qard al-hasan* merupakan suatu alternatif kepada sistem *ribā* yang telah diamalkan di sistem perbankan konvensional. *al-Qard al-Hasan* merupakan suatu jalan keluar kepada sesiapa yang memerlukan sumber kewangan, kerana ia berkonsep persaudaraan dan saling bantu membantu.

1.6.4 Perbezaan Di Antara Pinjaman Pembiayaan Dan Pinjaman *al-Qard*

Pinjaman pembiayaan dan pinjaman *al-qard* mempunyai konsep yang berbeza. *al-Qard* lebih ke arah kebajikan umum berbanding dengan pinjaman pembiayaan. Di antara perbezaannya adalah seperti berikut :⁸⁵

- 1) *al-Qard* lebih mengutamakan aktiviti kebajikan, manakala pinjaman pula lebih menekan perihal perdagangan.
- 2) *al-Qard* tidak melibatkan jumlah yang besar. Pinjaman pula melibatkan pemberian wang yang banyak.
- 3) *al-Qard* tidak mengenakan sebarang bayaran tambahan (faedah) ke atas kes yang tertangguh. Dalam pinjaman pula, keuntungan merupakan motif yang utama di dalam pinjaman.
- 4) Biasanya *al-qard* tidak mempunyai tempoh masa yang lama. Dan bagi hutang yang tidak mampu dilangsakan oleh peminjam digalakkkan agar dimansuhkan setelah peminjam membayar setakat mana yang mampu.⁸⁶

⁸⁵ Osman Sabran (2001), *op.cit.*, h.h 4 &5.

⁸⁶ Di dalam istilah perbankan dinamakan '*The good loan*'. Pihak bank tidak mempunyai kesukaran dalam pelupusan hutang ini kerana sumber utama bagi pinjaman seperti ini ialah dari zakat, pemberian, sedekah, derma ; tau sebahagian dari keuntungan bank yang dikhaskan bagi tujuan seperti ini. Rujuk. Dr. Ahmed Abdul Aziz el-Naggar, Mr. Mohammad Samir Ibrahim, Mr. Mahmud Mo'man al-Ansari (1982) *Persatuan Bank-Bank Islam Antarabangsa*

Bagi kes pinjaman, kebiasaan menggunakan waktu yang panjang dan pelanggan mesti menjelaskan hutang mereka dengan apajua caranya.

1.7 *AL-BAY' BITHAMAN ĀJIL (BBA)*

1.7.1 Definisi *al-Bay' Bithaman Ājil* (BBA)

Produk yang berasaskan *al-bay'* *bithaman ājil* atau lebih dikenali dengan BBA merupakan salah satu produk yang paling ramai digunakan oleh pelanggan di dalam SPI. Ia merupakan suatu kontrak perjanjian yang dibuat oleh pembiaya dan pelanggan. Pembiaya akan membeli harta yang diingini oleh pelanggannya dengan tunai dan menjualkannya kembali (harta) tersebut. Harga asal harta tersebut yang dicampur dengan sedikit keuntungan, pembayaran yang dilakukan oleh pelanggan adalah secara tertangguh mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Pembayaran tersebut dibayar dengan jumlah yang telah diketahui oleh kedua pihak yang berakad.⁸⁷

Di Malaysia BBA mula dilaksanakan pada 1 Jun 1994 sebagai satu alternatif baru kepada skim pinjaman konvensional yang telah sedia ada. Penubuhan sebuah Jawatankuasa Pemandu Peringkat Kebangsaan yang dimandatkan untuk menggubal kaedah pembiayaan kenderaan dan perumahan kerajaan menurut lunas-lunas Islam telah ditubuhkan pada tahun 1986. Jawantankuasa ini telah dipengerusikan oleh Y.A.B Dato' Anuar Ibrahim dan ditubuhkan di Jabatan

Seratus Soalan dan Seratus Jawapan Mengenai Bank Islam, (Terj.) Mohd. Dziyauddin Hj Ahmad , Kuala Lumpur: Cetakan semula oleh Persatuan Ulama' Malaysia, h. 107.

⁸⁷ Jabatan Syariah & Ekonomi Islam (2002), '*al-Bay' bithaman ājil*: Satu Alternatif Kepada Pinjaman Berasaskan *Riba*', (*Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam Sesi 2 Kuala Lumpur, Universiti Malaya*), 2 002 h.h 1&2. Lihat juga, Dr .Othman Yong (1997), *op.cit.*,c. 1, h. 4.

Perdana Menteri. Kerajaan telah berjaya melaksanakan BBA ke atas kenderaan pada 1 September 1993. Sehingga Mac 1995 sebanyak 23.63 juta pinjaman telah dikeluarkan yang melibatkan kesemua Kementerian dan Jabatan.⁸⁸

1.7.2 Perundangan BBA

BBA merupakan suatu muamalah yang diharuskan di dalam Islam, sebagaimana Allah telah berfirman yang bermaksud :

وَأَحْلَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

'Sesungguhnya Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba'

Sūrah al-Baqarah (3):278.

Ayat di atas jelas menunjukkan keharusan di dalam jual beli dan pengharaman terhadap *ribā*. Ibn al-Humam menjelaskan, harus menjual barang dengan harga tertangguh berserta dengan sedikit lebihan di sisi pembayaran berpandukan riwayat Ibn 'Umar R.A. Sesungguhnya ketika Rasulullah menyediakan bala tentera, baginda telah memerintahkan agar dibeli seekor unta dengan harga 2 ekor unta secara tertangguh. Iman Zainal Abidin Bin Ali Bin Husin dan Jasar pula telah mengharamkan pengamalan BBA kerana bersandarkan hadīth Rasullah yang menengah dua perjanjian di dalam satu perjanjian.⁸⁹

⁸⁸ Mustapa Bin Mohamed (1995), *Sistem Dan Institusi Kewangan Islam Malaysia*, c. 1, Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd., h. 113.

⁸⁹ Qal'ah Jī Muhammad Rawwās (1999), *Mabāhith fī al-Iqtisād al-Islāmī min Uṣūlīh al-Fiqhiyyah*, Bayrūt, Lubnān: Dār al-Nafā'is 76. Sila rujuk. al-Sheikh 'Atīyyah Saqar (1994), *Aḥsan al-Kalām fī Fatāwā wa Aḥkām*, j. 1, Qāhirah, Misr: Dār al-'Arabī, h.h 89 & 90.

1.7.3 Rukun-Rukun BBA

Memandangkan BBA merupakan produk pembiayaan Islam yang berdasarkan kepada perniagaan, maka BBA hendaklah dipenuhi dengan kriteria-kriteria sistem muamalah Islam dan rukun-rukun BBA. Di antara rukun-rukun BBA adalah seperti berikut :

- 1) Penjual. Dalam transaksi ini, penjual lebih dikenali sebagai pembiaya manakala pembeli pula sebagai pelanggan.
- 2) Pembeli. Dalam kontek sistem perbankan Islam di Malaysia, BIMB dan BMMB telah menetapkan agar pelanggannya melebihi 18 tahun ke atas. Kerana dalam umur yang demikian pelanggan mampu untuk memikul tanggungjawab pembiayaan.
- 3) Harta jualan. Di dalam membicarakan tentang harta jualan, beberapa syarat tambahan telah ditetapkan, antaranya:
 - 3.1) Suci dan bukan najis. Islam mensyaratkan bagi barang yang hendak diniagakan. Barang yang diniagakan itu juga hendaklah bersih pada zatnya dan halal pada hukumnya seperti contoh anjing, babi, arak dan bangkai kesemua ini adalah haram kerana telah ternyata haram.⁹⁰
 - 3.2) Memberi manfaat. Barang tersebut hendaklah dari jenis barang yang memberi manfaat di sisi syara'. Seperti rumah kediaman yang ada manfaatnya dan manfaatnya sah di sisi syara'. Adapun kelab malam ataupun diskò ada manfaatnya

⁹⁰ Ibn Qudāmah (1972), *op.cit.*, h. 278.

- (bagi segelintir golongan) tetapi haram di sisi syara'. Dengan ini hukumnya adalah haram untuk dibuat pembiayaan BBA.
- 3.3) Milik pembiaya. Pembiaya mestilah pemilik yang hak keatas barang tersebut, pembiaya juga hendaklah mendapatkan harta tersebut dengan jalan yang halal mengikut lunas Islam bukan melalui mencuri atau merompak.
 - 3.4) Boleh diserah milik. Sebagai pembiaya mestilah menentukan barang yang dibiayainya kepada pelanggan dari pembekal boleh diserah milikkan kepada pelanggan. Tidak sah menjual sekumpulan burung di awan atau menjual anak lembu yang masih dalam kandungan ibunya kerana terdapat unsur *gharar*.⁹¹
 - 3.5) Mengetahui barang atau harta yang diakadkan. Sebagai dua agen yang berurusan maka adalah menjadi kewajipan bagi kedua-duanya mengetahui dengan nyata dan jelas tentang akad, kadar jumlah dan sifat barang tersebut serta bentuk bayaran yang akan dicajkan kelak.

Keuntungan jualan bergantung kepada kaedah pembayaran, sekiranya lambat pembayaran tersebut maka besarlah keuntungan yang akan diterima kelak.⁹²

⁹¹ 'Abd Allah Ibn Hijāzī al-Sharqāwī (1351H), *Fath al-Qadīr al-Khabūr 'alā Manzumah al-Tahrīr fī Madhhab al-Imām al-Šāfi'i*, Qāhirah, Miṣr : Mustafa al-Halabi, h. 191.

⁹² Abul Muṣollah (Dr.)(2001), *Mälā Yas'ā al-Tājir al-Jahlah*, c. 1, Riyādh, Sa'udi 'Arabia: al-Muslim, h. 66.

1.7.4 Contoh BBA

Untuk mendapatkan pinjaman BBA telah dipraktikkan di dalam SPI. BBA merupakan salah suatu produk yang paling banyak digunakan oleh pelanggan untuk mendapatkan barang dengan bayaran yang tertangguh. Sekiranya pelanggan ingin membeli sebuah rumah yang berharga RM 250,000.00 dengan produk BBA, bank terlebih dahulu akan membeli rumah tersebut dan kemudian menjualkannya semula kepada pelanggan pada harga jualan RM 500,000.00 yang perlu dibayar oleh pelanggan dalam masa 20 tahun dengan bayaran RM 2291 setiap bulan.

Sekiranya selepas 2 tahun pelanggan ingin berpindah dan menjualkan rumahnya, pembayaran selama 2 tahun yang telah dilakukannya sebanyak RM 54,000.00 oleh pelanggan jika ditolak daripada harga jualan. Pelanggan perlu membayar baki rumah tersebut sebanyak RM 446,000.00. Akan tetapi dalam hal yang demikian bank akan memberi rebat⁹³ kepada pelanggan melalui *Muqārah*, kerana melakukan penyelesaian (*settlement*) yang lebih awal. Melalui pengiraan yang dilakukan oleh pihak bank, pelanggan hanya perlu membayar sebanyak RM 236,000.00 berbanding RM 446,000.00. Ini bererti bahawa pelanggan akan menerima *muqārah* sebanyak RM 210,000.00. BNM telah menghadkan pada tahun 1999 hanya 8.5 % sahaja yang merupakan keuntungan tahunan yang paling maksima oleh BIMB seperti yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Dr. Mahathir Muhammad.⁹⁴

⁹³ Pemulangan semula sebahagian daripada bayaran yang telah, sedang atau akan dibuat terhadap sesuatu urusniaga barang atau perkhidmatan.

⁹⁴ Keratan Akbar Berita Harian, 24 Oktober 1998, h. 7.

1.8 AL-IJĀRAH

1.8.1 Definisi *al-Ijārah*

al-Ijārah yang membawa maksud upah, sewa atau imbalan yang harus diketahui. Ianya merupakan salah satu bentuk kegiatan muamalah demi memenuhi kesukaran hidup manusia.⁹⁵ Segala aktiviti pajakan dan sewaan boleh diuruskan dengan menggunakan prinsip *al-ijārah*. Ianya merujuk kepada suatu kontrak di mana pemilik menyewakan sesuatu peralatan, bangunan atau kemudahan lain kepada pelanggan dengan harga sewaan yang persetujui bersama.⁹⁶ Mengikut Imam Hanafi, *al-ijārah* merupakan suatu akad yang memberi manfaat pertukaran. Imam al-Shāfi‘ī berpendapat bahawa *al-ijārah* ialah memiliki manfaat pertukaran dengan syarat mengetahui barang tersebut.⁹⁷

Secara umumnya, yang dimaksudkan dengan *al-ijārah* ialah upah mengupah berlaku apabila terdapat perjanjian antara pihak yang mengambil upah atau sewaan.⁹⁸ Pihak yang mengupah melaksanakan sesuatu khidmat dengan kadar upahan yang telah dipersetujui bersama.

⁹⁵ Abdullah Azis Dahlán (1997), *Ensiklopedi Hukum Islam*, c. 1, j. 2, Jakarta, Indonesia: Pt Ichtia’ Baru Van Hoeve, h. 660.

⁹⁶ Muhammad Akhir hij Yaakob (1994), *op.cit.*,h. 8.

⁹⁷ Abi al-Qāsim ‘Abd al-Karīm ibn Muhammād ibn ‘Abd al-Karīm Ar-Rāfi‘ī al-‘Azīz (1997), *Sharḥ al-Wajīz al-Ma‘rūf bi Sharḥ al-Kabīr*, c. 1, j. 6, Bayrūt, Lubnān: Dār al-Islamiyyah, h. 80.

⁹⁸ Sewaan boleh dibahagikan kepada tiga, pertama akad sewaan yang dapat dilihat seperti sewa rumah atau kenderaan, kedua akad sewaan dari segi kepakaran seperti kontraktor bangunan atau tukang jahit pakaian, ketiga akad sewaan menggunakan pekerja seperti buruh atau orang gaji. Kebanyakkan ulama’ menyatakan bahagian dua dan tiga untuk dijadikan satu dengan menamakan sewaan terhadap kepakaran. Sila Rujuk. Mahmūd ‘Abd al-Karīm (2001), *al-Shāmil fi Mu‘āmalah wa ‘Amaliyāh al-Maṣārif al-Islāmiyyah*, c. 1, Urdun: Dār al-Nafā‘is, h. 63.

1.8.2 Perundangan *al-Ijārah*

al-Ijārah telah diperundangkan di dalam al-Qur'an dan al-Hadīth. Allah telah berfirman di dalam al-Qur'an yang bermaksud :

أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَةَ رَبِّكَ (ج) مَنْ قَسَمَنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتَهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا (ج)
وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرْجَتٌ لِيَتَّخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سَخْرِيًّا وَرَحْمَتُ رَبِّكَ
بَخْرٌ مَا يَجْمِعُونَ.

'Mengapa pemberian kami itu mereka ingkari? adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan rahmat tuhanmu, seolah-olah kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan dan keduniaaan sahaja?, kami membahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini. Dan kami juga jadikan darjah setengah mereka tinggi dari darjah setengah yang lain, supaya sebahagian daripada mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupan dari bantuan setengah yang lain, dan rahmat tuhanmu adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaaan semata mata yang mereka kumpulkan'

Sūrah al-Zuhraf (25): 32.

Di dalam al-Hadīth pula, Rasulullah telah menerangkan tentang keharusan upah dan sewaan di dalam Hadīth al-qudsī:⁹⁹

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) قَالَ : قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : ثُلَّةُ أَنَّا
نَحْصُمُهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ : رَجُلٌ أُعْطِيَ بِيْثُمَّ غَدَرَ وَرَجُلٌ باعَ حِرَاءَ فَأَكَلَ ثُمَّهُ
وَرَجُلٌ اسْتَأْجَرَ أَجْرًا فَاسْتَوْفَى مِنْهُ وَلَمْ يُعْطِهِ أَجْرَهُ .

⁹⁹ al-Ḥāfiẓ Aḥmad ibn ‘Alī ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1997), *op.cit.*, Kitāb al-Ijārah, Bāb Ithmun Man Mana'a Ajr al-Ajīr, No. hadith. 2270.

Dari Abī Ḥurairah, Nabi Muhammad s.a.w bersabda: Allah telah berfirman: Tiga golongan aku akan memusuhi mereka pada hari akhirat: lelaki diberikan kepadanya (kepercayaan) kemudian dia mengkhianatinya, dan lelaki yang menjual kemerdekaan dan memakan hasil daripada penjualan itu, dan lelaki yang mengambil pengupah (untuk membuat kerja baginya) setelah selesai kerja tersebut dia tidak memberi ganjaran kepada pengupah tersebut.

Sesungguhnya manusia ini saling berhajat di antara satu dengan yang lain sebagai contoh, ada di antara mereka yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang. Mereka dapat menawarkan khidmat kepakarannya kepada yang memerlukan. Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa *al-ijārah* adalah harus dalam Islam kerana Islam menganjurkan manusia untuk tolong-menolong di antara satu dengan lain.

1.8.3 Rukun-Rukun *al-Ijārah*

Diantara rukun-rukun *al-ijārah* ialah:

- 1) Penyewa. Hendaklah penyewa itu orang yang berakal dan waras (tidak gila)
- 2) Tuan sewaan. Seperti penyewa juga hendaklah berakal dan waras. Ulama' telah berselisih pandangan tentang sah atau tidak akad kanak-kanak yang tidak *mumayyiz*. Pandangan yang paling rajih akad kanak-kanak itu sah tetapi hendaklah di bawah jagaan wali (penjaga).¹⁰⁰
- 3) Sewaan (upah). Penggunaan barang sewaan yang diberi sewa oleh penyewa kepada orang lain adalah tidak ditegah selagi mana di dalam tempoh sewaan tersebut.¹⁰¹ Kadar sewaan atau upahan hendaklah sepadan dengan keadaan semasa dan barang tersebut. Bayaran

¹⁰⁰ Abal Muṣollah (Dr.) (2001), *op.cit.*, h. 185.

¹⁰¹ Hj. Osman Bin Jantan (2001), *op.cit.*, h. 20.

barang yang disewakan mestilah bernilai dan diketahui dengan jelas seperti wang.¹⁰² Telah dijelaskan oleh Ibn Qayyim tentang pengambilan keuntungan sewaan atau upahan. Beliau menegaskan bahawa terdapat dua jenis pembayaran upah. Pertama melalui cara yang haram dan tersiksa, keduanya pula dengan mengenakan upah yang adil dan harus. Di Madinah pada zaman Rasulullah tiada penetapan tangga gaji berlaku.¹⁰³

- 4) Barang sewaan. Bagi barang sewaan hendaklah barang yang halal. Haram menyewa barang atau mengupah kearah jalan yang haram seperti sewaan keatas tarian atau kedai minuman keras bertujuan maksiat.
- 5) *Sīghah* (*Ijāb* dan *Qabūl*).¹⁰⁴ Dengan berlakunya transaksi ini menandakan kerelaan ke atas perjanjian akad tersebut. *Ijāb* tersebut tidak akan berubah setelah adanya *qabūl*.¹⁰⁵ Pembayaran sewaan pula yang telah dibuat dengan tunai oleh penyewa, tidak boleh diambil semula wang tersebut. Begitu juga apabila penyewa sudah mengambil faedah daripada barang sewaan itu. Penyewa hendaklah menyerahkan pembayaran sewaan ketika mana penyerahan barang tersebut dilakukan.¹⁰⁶

¹⁰² Musa, (1994), *Ahkam Mu'amalah*, Kamal (Terj.), c.2, Bayrūt, Lubnān: Muasasah al-Risālah, h. 303.

¹⁰³ Rafiq Yūnus al-Miṣr (Dr.) (1999), *Uṣūl al-Iqtisād al-Islām*, c. 3, Syria: Dār al-Qalam, h. 202.

¹⁰⁴ *Sīghah* terbahagi kepada dua iaitu; *sīghah* perkataan dan *sīghah* perbuatan.

¹⁰⁵ Hj. Osman Bin Jantan (2001), *op.cit.*,h. 21.

¹⁰⁶ Muhammad Akhir hj Yaakob (1994), *op.cit.*,h.h 140 & 141. Lihat juga. Muhammad Uthmān Shubayr (Dr.)(1999), *al-Mu'amalah al-Mālīyyah li al-Mawsirah fī al-Fiqh al-Islāmī* , c. 3, 'Ammām, Urdun: Dār-Nafā'is, h. 330.

1.8.4 Contoh *al-Ijārah*

Konsep di mana bank membeli barang yang dikehendaki oleh pelanggan dan seterusnya membuat pajakan kepada pelanggan dengan mengenakan kadar sewaan yang telah dipersetujui bersama, berdasarkan tempoh yang dipersetujui.¹⁰⁷ Sekiranya khidmat yang dijual maka ganjarannya adalah upah. Manakala jika manfaat barang yang dijual maka ganjarannya adalah sewa.

SPI memainkan peranan dalam bidang sewa-menyewa ketika memberi perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan khususnya yang memerlukan penggunaan sesuatu alat jentera dalam jangka masa yang terhad. Dalam kontek pembiayaan perdagangan Islam, SPI mengambil upah atau komisyen di atas perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan seperti dalam pengeluaran surat kredit (*letter of credit*), surat jaminan (*letter of guarantee*) dan lain-lain urusan berbentuk perkhidmatan.

1.9 *BAY' AL-DAYN*

1.9.1 Definisi *Bay' al-Dayn*

Bay' al-dayn merupakan jual beli hutang atau transaksi jual beli ke atas hutang (*dayn*). Barang yang dijual beli ialah hutang kepunyaan pemiutang yang ada dalam tanggungan penghutang. Penjual hutang boleh juga menjadi pemiutang atau orang yang mempunyai hak ke atas hutang kerana ia telah membeli hutang

¹⁰⁷ Bank Islam Malaysia Berhad, http://www.bankislam.com.my/pstpnegan_maksud.htm.2 November 2002

itu daripada pemutang.¹⁰⁸ Transaksi ini hanya melibatkan dokumen dan surat-surat sekuriti yang dapat membuktikan sabit hutang dari urusan perniagaan sahaja.¹⁰⁹ Memang tidak dinafikan bahawa manusia memang berhajat kepada keperluan dan kehendak di dalam kehidupan mereka sehari-hari untuk melakukan perniagaan. Kebanyakkannya daripada mereka tidak dapat menjalankan perniagaan tanpa bantuan hutang.¹¹⁰

1.9.2 Perundangan *Bay' al-Dayn*

al-Qur'an telah menerangkan tentang keharusan akad *bay' al-dayn*.

بَيْهَا الَّذِينَ أَمْنَوْا إِذَا تَدَابَّتْمُ بَدِينٍ إِلَى أَجْلٍ مُسَمَّى فَأَكْتُوبُهُ (ج) وَلِكُتبٍ يَنْكِمْ كاتب بالعدل ... (ج).

'Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang (yang diberikan tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayaran) itu. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan adil (benar)...'

Sūrah al-Baqarah(3): 282.

Islam mengajar umatnya agar setiap pembayaran balik hutang tersebut hendaklah pada kadar sama ketika meminjamnya. Setiap pertambahan bersyarat yang dibuat pada masa akad akan menjerumuskan ke arah *ribā*. Tetapi setiap pembayaran yang dibuat secara lebih dari hutang yang dipinjam tanpa sebarang

¹⁰⁸ BIRT (1998), *op.cit.*,h. 69

¹⁰⁹ Muhammad Akhir hj Yaakob (1994), *op.cit.*,h.h 8 & 9.

¹¹⁰ Hutang boleh diketoggerikan kepada dua bahagian iaitu, hutang semasa dan hutang tertangguh. Hutang semasa merupakan hutang yang perlu dibayar apabila diminta oleh tuannya tanpa terdapat sebarang keuzuran yang menghalang. Hutang tertangguh pula, apabila tiba masanya berbuat pembayaran maka si penghutang hendaklah melangsaikannya.

syarat dan dengan kerelaan penghutang adalah diharuskan. Para fuqaha telah berselisih pandangan tentang hukum jual beli hutang, ada golongan fuqaha mengatakan harus dan segelintir lagi menyatakan haram.

al-Shāfi‘ī mengharuskan urusniaga bagi hutang yang tetap dan wajib dilangsakan hutang tersebut tanpa halangan lain yang dapat mengugurnannya dari penghutang. Fuqaha yang mengharamkan urusniaga ini berujah bahawa, jual beli hutang ini berlaku dalam dua persepsi iaitu secara tangguh dan tunai. Hukum jual beli hutang secara bertangguh¹¹¹ telah disepakati sebagai haram. Yang menjadi perselisihan pandangan tentang jual beli hutang tunai kepada penghutang ataupun kepada pihak ketiga. Dawūd al-Zāhirī dan Ibn Hazm mengharamkan transaksi ini kerana hutang tidak boleh dijualkan kepada penghutang, dikhuatiri terdapat unsur penipuan dan akad tersebut adalah sesuatu yang tidak diketahui bentuknya (*majhūl*). Beliau juga mengetegorikan transaksi ini sebagai memakan harta secara haram dan ini ditegah oleh syara’. Ulama’ al-Zāhirī menambah lagi, bahawa setiap jual beli yang bersyarat menyerahkan penyerahan kepada selain daripadanya adalah tidak sah disebabkan syarat itu akan menjadi rosak. Apabila syarat rosak maka rosaklah keseluruhan transaksi tersebut.

1.9.3 Kebaikan *Bay’ al-Dayn*

Jual beli merupakan satu alternatif yang banyak memberi manfaat dalam membantu dan memperkembangkan sistem kewangan dan ekonomi Islam di

¹¹¹ Jual beli hutang secara tangguh dikenali juga dengan nama *bay’ al-kāli bi al-kāli*. Transaksi ini ditegah oleh syara’ kerana terdapat unsur-unsur *ribā* yang nyata.

Malaysia ke arah halatuju yang lebih baik, mantap serta berdaya saing. Di antara kebaikan *bay' al-dayn* ialah :¹¹²

- 1) Dapat menerbitkan sumber dana kewangan yang diperlukan oleh pelanggan melalui penjualan dokumen dan surat sekuriti.
- 2) Memberi modal pusingan bagi pengeksport dalam mendapatkan wang tunai untuk dijadikan wang pusingan dalam perniagaan.
- 3) Pembiaya atau oank akan dapat mengumpulkan wang tunai dengan cepat demi merealisasikan keperluan pelanggan yang membuat simpanan di dalam akaun simpanan mereka di bank bank perdagangan Islam.

1.9.4 Contoh *Bay' al-Dayn*

Bay' al-dayn merupakan salah satu mekanisme yang digunakan oleh SPI di Malaysia untuk mewujudkan sumber-sumber kewangan yang diperlukan. Sekiranya pengeksport A mengeksport bekalan kain putih kepada syarikat Hajjah Habshah dengan bayaran tertangguh RM 90 ribu dalam jangka masa 6 bulan. Seterusnya pengeksport A menyediakan dokumen-dokumen eksport termasuklah bil pertukaran (*bill of exchange*).¹¹³ Bill ini dijadikan sebagai bukti bahawa sejumlah wang RM 90 ribu telah diberi hutang kepada syarikat Hajjah Habshah, hutang tersebut akan matang dalam masa 6 bulan daripada tarikh pengeluaran bil tersebut.

¹¹² Nor Mohammed Yakcop (1996), *Teori, Amalan Dan prospek Sistem Kewangan Islam Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., h. 93.

¹¹³ Bill of Exchange dikenali sebagai hak mengutip hutang.

Pengeksport A tadi boleh menjualkan semula bil pertukaran tadi kepada pihak bank pada harga RM 80 ribu sehingga tarikh matangnya bil tersebut. Dalam hal yang demikian bank akan menerima bayaran daripada syarikat Hajjah Habshah sebanyak RM 90 ribu apabila genap 6 bulan kelak. Pihak bank juga boleh menjualkan bil tersebut kepada bank ketiga dengan harga RM 85 ribu, bank ketiga tersebut juga akan berhak mendapat RM 90 ribu dari syarikat Hajjah Habshah setelah tempoh matang tersebut.

1.10 KESIMPULAN

Kesemua akad-akad kontrak Islam yang dilakukan di SPI adalah menurut lunas yang telah dipersetujui oleh Syara', sama ada semasa penubuhannya ataupun ketika pelaksanaannya hingga ke tamat sesebuah kontrak tersebut. Instrumen-instrumen tersebut yang diamalkan dalam bidang perniagaan dan pelaburan merupakan suatu yang berdaya maju dan berdaya saing dalam mengikuti arus perniagaan perbankan moden yang canggih dan sistematik.

Penulis telah menyenaraikan beberapa akad produk pembiayaan Islam seperti *al-Musharakah*, *al-murābahah*, *al-wakālah*, *al-kafālah*, *al-muḍārabah*, *al-qardh al-hasan*, *al-bay' bithaman ājil*, *al-ijārah dan bay' al-dayn*. Kesemua akad tersebut digunakan di dalam produk pembiayaan perdagangan Islam dan ianya telah pun dilaksanakan di SPI Malaysia untuk pelanggan-pelanggannya dalam meningkatkan pembangunan sumber ekonomi negara.